



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH  
KAMPUS SUNGAI PETANI**

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Jurulatih Sukan di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani**.

**A. JAWATAN**

BIL	JAWATAN	JENIS LANTIKAN	TEMPOH LANTIKAN	PEMBERIAN SAGUHATI
1.	Jurulatih Sukan (Mengikut Jenis Sukan)	Mengikut Kejohanan	Satu (1) Tahun	RM100.00 sehari mengikut keperluan kejohanan.

**SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN MAKLUMAT JAWATAN**

**JAWATAN**

**JURULATIH SUKAN**

1. Jawatan Jurulatih Sukan yang dibuka:
  - a) Bola Sepak
  - b) Bola Jaring
  - c) Futsal
  - d) Badminton
  - e) Sepak Takraw
  - f) Bola Baling
  - g) Ping Pong
  - h) Bola Tampar
  - i) Silat
  - j) Taekwondo
  - k) Catur
  - l) Petanque
  - m) Ragbi
  - n) Bola Keranjang
  - o) Tennis
  - p) Hoki
  - q) Golf
  - r) Memanah
  - s) e-sukan (*Mobile Legends Bang Bang / PUBG Mobile / dan lain-lain*)

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan kejurulatihan dan akademik seperti berikut:
  - a) Minimum mempunyai Sijil Sains Sukan Tahap 1 daripada Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) atau mana-mana kelayakan kejurulatihan yang diiktiraf setaraf dengannya.
  - b) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf.
  - c) Sijil Kelayakan Akademik yang lebih tinggi (sekiranya ada).
3. Bagi syarat umum pelantikan, calon perlulah:
  - a) Berumur 21 Tahun ke atas.
  - b) Berpengalaman sebagai atlet atau jurulatih dalam tempoh lima (5) tahun adalah satu kelebihan.
  - c) Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik dan komited untuk mengikut jadual latihan dan tarikh kejohanan yang ditetapkan oleh pihak Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani.
  - d) Berdisiplin, bertanggungjawab, berkeperibadian baik dan bebas daripada sebarang rekod kesalahan jenayah.
  - e) Bersedia mematuhi semua peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani.
4. Skop tugas:
  - a) Menyediakan perancangan latihan untuk pasukan bagi kejohanan yang ditetapkan.
  - b) Mengendalikan sesi latihan mengikut jadual yang dipersetujui.
  - c) Membimbing atlet semasa kejohanan termasuk pengurusan taktikal dan teknikal.
  - d) Memastikan keselamatan atlet sepanjang latihan dan kejohanan.
  - e) Menjaga disiplin dan kebajikan atlet sepanjang latihan dan kejohanan.
  - f) Menyediakan laporan ringkas pasca-kejohanan (jika diminta).

#### PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan **SALINAN** dokumen yang disahkan seperti berikut:
  - i) **Resume / CV**
  - ii) **Kad Pengenalan**
  - iii) **Sijil Sains Sukan Tahap 1 daripada Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) atau mana-mana kelayakan kejurulatihan yang diiktiraf setaraf dengannya.**
  - iv) **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf.**

- v) **Sijil Kelayakan Akademik yang lebih tinggi (sekiranya ada).**
2. Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
  3. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan / badan berkanun / separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **tidak akan diproses.**
  4. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
  5. Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas **enam (6) bulan** dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
  6. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah.

#### CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a) Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk SATU jawatan yang diiklankan sahaja.
- b) Permohonan hendaklah dibuat di dalam **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh didapati dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani <https://kedah.uitm.edu.my/>
- c) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** adalah pada **8 MAC 2026**.
- d) Sila kemukakan permohonan kepada:



اَبُو سَيْدِي تَبْكُو لَوِيْنَ مَبَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

PEGAWAI SUKAN  
UNIT SUKAN  
BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR  
UiTM CAWANGAN KEDAH  
KAMPUS SUNGAI PETANI  
08400, MERBOK  
KEDAH DARUL AMAN

NO. TEL: (04) 456 2083 / 2085 / 2080